



ERAT: Sultan Brunei Sultan Hassanal Bolkiah menyambut ketibaan Abdullah di Istana Nurul Iman di Bandar Seri Begawan, semalam. Abdullah bersama rombongan tiba di Brunei untuk lawatan rasmi dua hari.

Setuju teroka insurans, sistem perbankan Islam

Malaysia tawar kepakaran, kemudahan kepada Brunei

Daripada Azman Zakaria

BANDAR SERI BEGAWAN: Malaysia dan Brunei bersejua meningkatkan lagi kerjasama dan program hubungan dua hala dengan meneroka bidang baru, khususnya yang berkaitan perbankan Islam serta insurans.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Malaysia menawarkan kepakaran kepada Brunei untuk perkhidmatan itu, selain program dua hala berkaitan pendidikan yang sedang dilaksanakan.

"Sultan Brunei menyatakan kesediaan bekerjasama dengan Malaysia sedang memberi tumpuan ke-

pada apa juga bentuk usaha yang boleh memulakan pembangunan, bukan hanya berkaitan petrol dan gas," katanya pada sidang media selepas jamuan teh yang dianjurkan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Brunei, Datuk Ali Abdullah di kediamannya di Rumah Malaysia di sini, semalam.

Terdahulu, Abdullah yang dalam rangka lawatan kerja dua hari ke Brunei, bersama Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Seri Azmi Khalid dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdullah Md Zin menghadap Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah di Istana Nurul Iman, di sini.

BH- 30/8/2005

“Kita harap JCM menjadi satu mekanisme aktif supaya apa yang dipersetujui antara kedua-dua negara dapat dilaksanakan segera”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Ia disusuli pertemuan empat mata selama kira-kira sejam antara Abdullah dan Sultan Hassanal Bolkiah, sebelum Perdana Menteri dan anggota delegasi Malaysia menghadiri majlis jamuan teh di kediaman Ali.

Perdana Menteri berkata, dalam pertemuan itu, mereka membincangkan perkara dua hala dan bersejua hubungan Malaysia dan Brunei pada waktu ini berjalan dengan baik, tetapi mahu program berkaitan pendidikan dipertingkatkan.

Katanya, Brunei berhajat menghantar lebih ramai pelajar melanjutkan pelajaran ke Malaysia serta pegawai muda untuk menjalani latihan berkaitan pentadbiran serta pembangunan.